

21 JUN 2000

AUSTRALIA-MALAYSIA/I

PEGAWAI AUSTRALIA MAHU PERTINGKAT HUBUNGAN AUSTRALIA-MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) - Paul McClintock, setiausaha Kabinet Perdana Menteri John Howard yang baru, berkata beliau ingin membawa hubungan politik antara Australia dan Malaysia ke tahap yang sama kukuh dengan hubungan-hubungan lain seperti perniagaan dan pendidikan.

Sambil menyifatkan hubungan lama antara Malaysia dan Australia sebagai istimewa dan mendalam, beliau berkata ini tidak dapat dilihat dari segi politik sejak lebih sedekad lalu.

Beliau merasakan bahawa pendidikan akan menjadi teras hubungan tersebut kerana ramai rakyat Malaysia mendapat pendidikan di Australia.

Dalam satu pertemuan dengan pemberita-pemberita Malaysia di sini hari ini beliau memberitahu bahawa beliau amat bimbang tentang percanggahan antara Howard dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan antara tugas berat utama beliau dalam jawatan barunya ini ialah memperbaiki hubungan antara kedua-dua pemimpin tersebut.

McClintock, seorang ahli perniagaan yang akan memulakan tugasnya bulan depan, berada di sini bagi lawatan selama seminggu. Beliau juga adalah pengerusi Ashton Mining, sebuah syarikat perlombongan berlian di mana Malaysian Mining Corporation (MMC) memegang kepentingan besar, dan bekas presiden Majlis Perniagaan Australia-Malaysia.

Kenyataan ringkas yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tinggi Australia di sini menyebut bahawa bapanya, Sir Eric McClintock, begitu cergas memupuk hubungan erat dalam perniagaan dan hubungan rakyat dengan rakyat antara kedua-dua negara, bertahun-tahun lamanya.

"Hubungan perdagangan dan pelaburan yang kukuh antara kedua-dua negara kita adalah hasil usaha dan kenalan mereka di kedua-dua negara," jelas kenyataan tersebut.

McClintock berkata Howard berharap beliau akan melibatkan kenalannya dalam tugasnya dan antara lain, mencari jalan untuk memperbaiki percanggahan politik antara kedua-dua negara.

Katanya beliau mendapati bahawa Howard adalah "lebih Asia", lebih bersopan dan lebih terbuka serta membina daripada pemimpin-pemimpin Australia yang terdahulu.

Namun beliau (Howard) dituduh tidak bersikap "Asia" apabila beliau dihalang daripada memainkan peranan yang lebih luas dan cergas dalam Asia, katanya.

McClintock berkata Australia, yang menghadapi isu-isu dan masalah yang sama seperti Malaysia mengenai soal globalisasi, telah ditempatkan dalam golongan yang salah, bersama dengan "kuasa besar".

"Kami juga turut sama mencari tempat (dalam globalisasi) dan kami juga berentap dengan isu-isu yang serupa," tegasnya.

Beliau juga berkata "apa sahaja yang menghalang kami daripada bekerjasama erat dengan Asia, menjadi masalah besar kepada kami."

McClintock berkata beliau tidak mempunyai program untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat antara kedua-dua pemimpin ini, tetapi sebagai permulaan, beliau ingin melihat pertukaran lawatan antara menteri-menteri kabinet kedua-dua negara.

-- BERNAMA

KGO KY MA